



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan

25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000 / 609-565 5800 (WISMA)

Faks : 609-516 4931 / 609-516 5130 (WISMA)

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

ANM.PHG.500-2/5/2 Jld.4 (65)

Ruj. Kami :

Tarikh : 12 Oktober 2020

Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN PEMANDU KENDERAAN (H11) DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PAHANG

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang.

- | | | |
|------------------------------|--|---|
| 1. (a) JAWATAN | : | Pemandu Kenderaan (H11) |
| (b) TARAF JAWATAN | : | Pekerja Sambilan Harian |
| (c) AGENSI | : | Jabatan Akauntan Negara Malaysia |
| (d) KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | Sokongan |
| (e) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | : | Perkhidmatan Sokongan |
| 2. JADUAL UPAH | : | RM54.00 sehari |
| 3. SYARAT LANTIKAN : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:- | |
| | (a) | warganegara Malaysia; |
| | (b) | berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan serta sihat tubuh badan. |
| | (c) (i) | memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; |
| | (ii) | memiliki Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan; |
| | (iii) | berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. |
| | | dan |
| | (d) | berkebolehan membaca, menulis dan Bertutur dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dengan baik. |


4.	FUNGSI BIDANG TUGAS	:	(a) Bersedia membawa kenderaan jabatan ke mana-mana destinasi pada bila-bila masa yang diarahkan secara rasmi. (b) Mengendalikan kenderaan jabatan dan penyelenggaraan buku log kenderaan disamping lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.
5.	CARA MEMOHON	:	(a) Permohonan hendaklah menggunakan borang khas JANM(K)1/2008 yang boleh diperolehi di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang (b) Isi borang JANM(K)1/2008 dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K)1/2008 akan ditolak. (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan kad pengenalan, surat beranak, salinan lesen memandu, salinan sijil persekolahan dan lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan. (d) Permohonan berikut AKAN DITOLAK : i) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan; ii) tidak lengkap atau tidak terang; iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; iv) tidak ditulis nombor kad pengenalan; v) tidak diturunkan tandatangan;
6.	ALAMAT PERMOHONAN	:	Borang Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat : Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang Tingkat 1 Wisma Persekutuan Jalan Gambut 25594 Kuantan PAHANG
7.	TARIKH TUTUP	:	23 OKTOBER 2020 (JUMAAT)
8.	CATATAN AM	:	(a) Hanya calon-calon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang sahaja dipanggil temuduga

- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '
"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAWARIAH BINTI IDRIS c.A(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang